

AKTA SETEM 1949

PERINTAH DUTI SETEM (PENGECUALIAN) (PINDAAN) 2003

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 80(1) Akta Setem 1949 [*Akta 378*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Duti Setem (Pengecualian) (Pindaan) 2003**.

(2) Perintah ini disifatkan telah mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2003.

Pindaan perenggan 2

2. Perintah Duti Setem (Pengecualian) (No.6) 2003 [*P.U.(A) 169/2003*] dipinda dalam perenggan 2 –

(a) dengan menggantikan takrif “pemaju perumahan” dengan takrif yang berikut:

‘ “pemaju perumahan” ertinya pemaju perumahan yang berlesen atau berdaftar di bawah undang-undang Negeri atau Persekutuan;’;

(b) dengan menggantikan takrif “syarikat insurans” dengan takrif yang berikut:

‘ “syarikat insurans” ertinya syarikat insurans yang berdaftar di bawah Akta Insurans 1996 [*Akta 553*] dan termasuklah pengendali takaful yang didaftarkan di bawah Akta Takaful 1984 [*Akta 312*];’; dan

(c) dalam teks bahasa Inggeris, dalam takrif “statutory body” dengan menggantikan perkataan “of” dengan perkataan “or”.

Dibuat 20 Jun 2003

[Perb. CR(8.09)248/39/7-217(SJ.1); LHDN. 01/34/42/68-180-1(12/03);

PN(PU2)159/XXVIII]

DR. JAMALUDIN BIN MOHD JARJIS

Menteri Kewangan Kedua